

CNS0447

U GB 27-04 00166 BH153

bah mps

NEGARA MAJU PERLU TUNJUK KOMITMEN SEBELUM SIDANG RIO

Mahathir - Sidang

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata negara maju perlu menyatakan kesungguhan mereka untuk menjayakan pembangunan berterusan bagi menyakinkan negara membangun untuk menghadiri Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro Jun ini.

Perdana Menteri berkata komitmen itu perlu bagi menjamin sidang kemuncak yang akan menggubal program tindakan pemeliharaan alam sekitar itu dapat dijayakan.

+Saya berpendapat sebelum kita sampai ke Rio, mesti ada komitmen dari negara maju...barulah (sidang) Rio akan berjaya,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kedua Menteri-menteri Negara Membangun mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di Hotel Crown Princess di sini.

Dr Mahathir juga berkata bahawa Malaysia akan hanya membuat keputusan sama ada akan menghadiri sidang kemuncak itu selepas meneliti hasil daripada persidangan tiga hari itu.

Beliau juga berkata walaupun persidangan dapat mencapai kata sepakat, ia hanya masih di peringkat negara-negara membangun. -- Lagi

▼27/04/17-43MST

CNS0459

U GB 27-04 00170 BH154

bah mps

Mahathir - Sidang 2 Kuala Lumpur

+Sama ada kata sepakat negara membangun itu diterima oleh negara maju, adalah satu perkara lain,+ tambah beliau.

Menurut beliau, keputusan yang dicapai pada persidangan KL ini akan dimaktubkan sebagai Deklarasi Kuala Lumpur dan dikemukakan kepada Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCED).

Perwakilan dari 54 negara membangun menghadiri persidangan di sini bagi mencapai pendirian bersama berhubung isu alam sekitar dan pembangunan untuk dibentangkan di Rio.

Mengenai cadangan beberapa perwakilan supaya Malaysia menjadi jurucakap pada sidang kemuncak itu nanti, Perdana Menteri berkata, +Banyak orang boleh jadi jurucakap.+

Bagaimanapun, katanya, Malaysia akan menimbang permintaan itu sekiranya ia membuat keputusan untuk menghadiri Sidang Kemuncak Bumi itu nanti.

Dr Mahathir juga membidas sesetengah pertubuhan bukan kerajaan yang menggunakan kekerasan dalam perjuangan mereka kononnya untuk melindungi alam sekitar.

+Mereka ini bukan sebenarnya menitik berat soal alam sekitar, sebaliknya berbuat demikian untuk menjamin hasil bumi mereka laris<+ kata Perdana Menteri. -- Lagi

▼27/04/17-51MST

CNS0482

U GB 27-04, 00103 BH155

bah mps

Mahathir 3 Sidang (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau juga membidas mereka yang tidak mengambil berat tentang kebakaran hutan padahal ia lebih banyak merosakkan alam sekitar.

Dr Mahathir juga berkata cadangannya untuk menghijaukan bumi, yang beliau utarakan dalam ucapan perasmianya, disambut baik oleh para perwakilan.

+Daripada perbincangan ringkas dengan para perwakilan, mereka menyokong cadangan itu,+ katanya.

Malaysia telah mencadangkan supaya 30 peratus dari muka bumi ini diliputi hutan menjelang tahun 2000.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir juga mengumumkan rancangan Malaysia untuk mengekalkan hutannya meliputi sekurang-kurang 50 peratus daripada kawasan tanahnya. -- Bernama

▼27/04/18-02MST